

05/02/2002

Kerajaan tidak berganjak keputusan 10 bank teras

Kadir Dikoh

PEMANGKU Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan kerajaan tidak akan berganjak daripada keputusannya yang menetapkan untuk hanya membenarkan 10 bank teras beroperasi di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan melonggarkan dasar penggabungan bank atau menambah bilangan bank teras daripada 10 yang sedia ada kepada 11 seperti yang mungkin diharapkan oleh mana-mana pihak.

Abdullah berkata, keputusan itu dibuat kerana kerajaan yakin 10 bank teras yang akan menerajui industri perkhidmatan perbankan tempatan itu sudah memadai setakat ini.

"Kita tidak sampai ke peringkat (menambahkan bank teras kepada 11) itu. Biar saya tengok dulu bagaimana kejayaan rancangan berkaitan pengukuhan (industri perbankan)," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa kerja Barisan Nasional (BN), di ibu negara, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan Utama Banking Group (UBG) meminta kerajaan supaya memberikan status bank teras kepada anak syarikatnya, Bank Utama (M) Bhd (Bank Utama).

Bank Utama yang berpangkalan di Sarawak adalah satu-satunya bank yang belum bergabung dengan mana-mana bank teras tetapi rundingan dikatakan masih diteruskan dalam usahanya menguasai RHB Bank, satu daripada 10 bank teras.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan baru-baru ini menyatakan bahawa pihaknya menetapkan cuma 10 bank teras dan jumlahnya juga akan terus dikurangkan melalui penggabungan pada masa akan datang.

Perdana Menteri juga memberi tempoh enam bulan sehingga Jun ini kepada UBG untuk mencari rakan gabungan dan jika tidak, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menarik balik lesen perbankannya Bank Utama.

Abdullah juga ditanya mengenai penggabungan sektor telekomunikasi yang mungkin akan menyaksikan beberapa entiti yang terbabit dalam sektor berkenaan menjadi hanya tiga firma utama.

Beliau berkata, penggabungan berkenaan adalah sesuatu yang penting dan wajar untuk mengukuhkan lagi sektor perkhidmatan telekomunikasi di negara ini demi manfaat bersama pada masa depan.

Bagaimanapun, katanya, terserah kepada syarikat yang terbabit untuk berunding sesama mereka dan bermuafakat mengenai cara dan bagaimana mereka boleh mencapai pengukuhan berkenaan.

Ditanya mengapa proses ini mengambil masa yang sangat lama, beliau berkata: "Secara perbandingannya, langkah ini diperkenalkan belum begitu lama iaitu selepas pengukuhan sektor perbankan".

(END)